



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
JALAN MEDINI SENTRAL 9, BANDAR MEDINI ISKANDAR, 79250 ISKANDAR PUTERI, JOHOR BAHRU
WHATSAPP ADUAN: 019-755 5404 TEL.PEJABAT: 07-555 5000 HOTLINE: 1-300-80-5000

NOTIS PEMBERITAHUAN
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 1

KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

TARIKH : 22 OGOS 2021

SILA AMBIL PERHATIAN! Selaras dengan pengumuman Kerajaan Malaysia berkaitan **Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1** pada 16 dan 19 Ogos 2021 **telah bersetuju untuk memberi kemudahan tambahan beberapa sektor kepada individu yang telah menerima vaksinasi lengkap bagi negeri-negeri di dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 20 Ogos 2021.**

Penting untuk dijelaskan bahawa seseorang individu hanya diiktiraf sebagai individu yang telah lengkap vaksinasinya apabila telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:-

BIL	JENIS VAKSIN COVID- 19	Bilangan Dos Suntikan	TEMPOH LEPASAN DARI TARIKH SUNTIKAN
a	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pfizer ▪ AstraZeneca ▪ Sinovac 	2 dos	14 hari dari tarikh suntikan kedua
b	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Johnson & Johnson ▪ CanSino 	1 dos	28 hari dari tarikh suntikan pertama

Manakala bagi **SEMUA** aktiviti premis perniagaan atau aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 diarahkan bagi menghadkan waktu operasi seperti berikut:

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN
1.	Perkhidmatan Perubatan /Kesehatan a) Klinik, Hospital Kerajaan dan Swasta (24 jam) b) Pusat Dialisis c) Pusat Diagnostik d) Makmal Perubatan e) Pusat Fisioterapi/ Rehabilitasi f) Pusat Optometri g) Perkhidmatan Perubatan Tradisional & Komplementari (PT&K) di bawah Akta 775	Seperti Biasa	a) Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan pematuhan SOP Kesehatan. b) Bagi PT&K- hanya premis yang berlesen dengan PBT, sahaja dibenarkan beroperasi dan mendapat surat kebenaran dari MITI.
2	Pasar Berbangunan a) Pasar Awam Berbumbung b) Pasar Persendirian Berbumbung c) Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)	6.00 pagi hingga 4.00 petang	a) Perlu mematuhi SOP ketat yang telah ditetapkan dan perlu dengan pengawasan PBT /RELA.

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN								
3.	<p>Pusat Penjajaan Berpusat</p> <p>▪ <u>PELANGGAN YANG TELAH LENGKAP DIVAKSINASI</u></p> <p>a) Pasar Pagi dan Pasar Tani</p> <p>b) Pasar Malam</p>	<p>(a) 7.00 pagi – 11.00 pagi</p> <p>(b) 4.00 ptg - 10.00 malam</p>	<p>b) Perlu mematuhi SOP ketat yang telah ditetapkan dan perlu dengan pengawasan PBT /RELA.</p> <p>c) Pelanggan MESTI menunjukkan kad/Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 yang lengkap sebelum memasuki kawasan pasar pagi/pasar tani/pasar malam.</p>								
4	<p>Perniagaan Berpremis Makanan dan Penjajaan</p> <p>a) Restoran, Medan Selera/ Pusat Penjaja, Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung) /Kiosk, Gerai Majlis.</p> <p>b) Kenderaan Bersaji (<i>Food Truck</i>), Penjaja Beredar, Penjaja Tepi Jalan (Sementara)</p> <p>▪ <u>INDIVIDU YANG BELUM LENGKAP VAKSINASI</u></p> <p>i. Tidak dibenarkan dine-in dan perkhidmatan <i>park & dine</i></p> <p>▪ <u>INDIVIDU YANG TELAH LENGKAP DIVAKSINASI</u></p> <p>i. Dibenarkan <i>dine in</i> di premis makanan</p> <p>ii. Dibenarkan membawa anak-anak 17 tahun dan ke bawah <i>dine-in</i> di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum</p>	<p>6.00 pagi hingga 10.00 malam</p>	<p>a) Penjualan dibenarkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran dan mematuhi SOP</p> <p>b) Dine-in DIBENARKAN dengan syarat:</p> <p>i. Hanya menerima pelanggan yang lengkap divaksin dan tidak bergejala.</p> <p>ii. Pengusaha peniagaan MESTI memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap divaksin di pintu masuk premis.</p> <p>iii. Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan dengan kadar vaksinasi berikut:-</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja</th> <th>% Kapasiti Pekerja Dibenarkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>40%</td> <td>60%</td> </tr> <tr> <td>60%</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>80%</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> <p>c) Susun atur meja mengikut penjarakan dan sistem pengudaraan yang baik.</p> <p>d) Aktiviti <i>dine-in</i> dengan kapasiti 50% setiap meja dan penjarakan fizikal 1 meter</p> <p>e) Menggalakan penggunaan peralatan makanan <i>biodegradable</i> pakai buang</p>	Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja	% Kapasiti Pekerja Dibenarkan	40%	60%	60%	80%	80%	100%
Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja	% Kapasiti Pekerja Dibenarkan										
40%	60%										
60%	80%										
80%	100%										
5	<p>Sektor Perhotelan</p> <p>a) Penginapan/ rumah tumpangan</p> <p>b) Restoran/kafe (<i>Take Away/Delivery /Room Service</i> dibenarkan)</p> <p>c) Fasiliti hotel TIDAK DIBENARKAN (Bar, Lounge, Karaoke, Jakuzi, Sauna, Spa, Kolam Renang, Gimnasium, Surau, Bilik Seminar/Mesyuarat)</p> <p>▪ <u>INDIVIDU YANG TELAH LENGKAP DIVAKSINASI</u></p> <p>i. Dibenarkan <i>dine in</i> di premis makanan</p> <p>ii. Dibenarkan membawa anak-anak 17 tahun dan ke bawah <i>dine-in</i> di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum</p>	<p>a) Seperti Biasa</p> <p>b) 6.00 pagi hingga 10.00malam</p>	<p>Bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu seperti <i>oil and gas</i>, sektor penerbangan dengan kontrak serta lain-lain sektor yg dibenarkan Kerajaan dan bukan tujuan pelancongan.</p>								
6	<p>Sektor Perkhidmatan Veterinar</p> <p>a) Klinik Haiwan</p> <p>b) Kedai Penjagaan Haiwan</p> <p>c) Kedai Makanan Haiwan</p>	<p>8.00 pagi Hingga 8.00 malam</p>	<p>Beroperasi mematuhi SOP am Sektor Perkhidmatan Veterinar.</p>								

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN
7	<p>Sektor Perkhidmatan Profesional</p> <p>a) Perkhidmatan akauntan/ firma perakaunan/ peguam dan pesuruhjaya sumpah/ auditor/ jurutera/ arkitek</p> <p>b) Sainifik termasuk R&D dan teknikal penyelenggaraan</p>	Seperti Biasa	Kapasiti kehadiran pekerja bagi operasi dan pengurusan adalah terhad pada satu-satu masa serta pematuhan SOP
8	<p>Sukan dan Rekreasi</p> <p>▪ INDIVIDU YANG BELUM LENGKAP VAKSINASI</p> <p>a) Aktiviti sukan dan rekreasi secara individu boleh dilakukan di kawasan terbuka (<i>outdoor</i>) termasuk taman terbuka awam dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2-3 meter dan melakukan dalam daerah yang sama.</p> <p>b) Aktiviti: Joging, senaman, berbasikal, <i>skateboarding</i>, <i>inline skating</i> dan seumpamanya.</p> <p>c) Program latihan berpusat secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis-Majlis Sukan Negeri (MSN Negeri) menggunakan konsep <i>Camp Based Training</i>.</p> <p>d) Program latihan berpusat secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam <i>Malaysian Football League</i> (MFL) menggunakan model GELEMBUNG SUKAN (<i>Camp Based Training</i>)</p> <p>e) Penganjuran perlawanan Liga Bola Sepak Malaysia anjuran <i>Malaysian Football League</i> (MFL) secara tertutup mengikut model GELEMBUNG SUKAN tanpa kehadiran penonton atau penyokong.</p> <p>▪ INDIVIDU YANG TELAH LENGKAP DIVAKSINASI</p> <p>a) Penggunaan premis dan rekreasi adalah TERHAD bagi individu yang telah MELENGKAPKAN VAKSINASI bagi melakukan semua aktiviti sukan dan rekreasi secara individu yang tidak bersentuhan fizikal bagi tujuan kesihatan, kecergasan dan kemahiran sendiri dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2-3 meter.</p> <p>b) Aktiviti: Renang, ekuestrian, menembak, tenis/badminton (<i>single</i>), golf, permotoran dan seumpamanya.</p> <p>f) Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial terbuka (outdoor) dan separa terbuka termasuk kolam renang dengan pematuhan kepada 60% kapasiti penggunaan kawasan DENGAN kawalan penyeliaan. Kehadiran 60% pekerja (pengurusan dan operasi).</p> <p>g) Individu yang telah lengkap vaksinasi dibenarkan membawa anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut.</p> <p>h) Aktiviti <i>dine-in</i> di restoran/kafe di premis seperti <i>club house</i> dibenarkan</p> <p>i) Operasi bilik mandi- tidak dibenarkan</p> <p>j) Aktiviti perkelahan dan perkhemahan di dalam daerah yang sama.</p>	6.00 pagi hingga 8.00 malam	<p>a) Mematuhi SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi.</p> <p>b) Pastikan operasi premis/tempat latihan/tempat pertandingan adalah secara penjadualan, tempahan (appointment/ reservation basis) dan mempunyai kawalan penyeliaan sepanjang tempoh operasi serta mematuhi waktu operasi yang ditetapkan.</p> <p>c) Pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi tertutup (indoor)- TERHAD bagi tujuan pengurusan perlu (kewangan, penyelenggaraan dan seumpamanya) sahaja dengan pematuhan tidak melebihi 30% pekerja termasuk pengurusan dan operasi.</p> <p>d) Pengoperasian taman terbuka awam TERTAKLUK kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN
9	<p>Penjualan dan Pengedaran Produk Petroleum dan Gas</p> <p>a) Stesyen minyak (KECUALI Pengoperasian stesyen minyak di lebuh raya bertol dibenarkan beroperasi 24jam)</p> <p>b) Kedai serbaneka di stesyen minyak</p> <p>c) Penyimpanan pembekalan dan pengedaran bahan api dan pelincir</p>	<p>(a) 6.00 pagi hingga 8.00malam</p> <p>(b) Hingga (c) 8.00 pagi hingga 8.00malam</p>	Beroperasi seperti yang di tetapkan dalam SOP Sektor Perdagangan dan Pengedaran
10	<p>Sektor Penjagaan Sosial</p> <p>Pusat jagaan berkediaman/ pusat rehabilitasi bagi kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan pusat jagaan pelbagai (beroperasi dengan kebenaran Kementerian/ Jabatan atau Agensi berkaitan)</p>	Seperti biasa	Hanya Pusat Jagaan/ taska- untuk anak-anak petugas barisan hadapan yang kedua-duanya bekerja dalam perkhidmatan perlu sahaja boleh beroperasi dengan kebenaran Agensi berkaitan.
11	<p>Sektor Perkhidmatan Kewangan dan Pasaran Modal</p> <p>a) Institusi kewangan (perbankan termasuk ATM, CDM, CQM, CoDM, insurans, takaful dan entiti - entiti lain yang dilesen, dilulus atau didaftar oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p>b) Entiti-entiti pasaran modal yang berlesen, didaftar atau dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.</p> <p>c) Pengurup wang</p>	8.00 pagi hingga 8.00 malam	Beroperasi seperti yang ditetapkan dalam SOP Pasaran Modal dan Perkhidmatan Kewangan.
12	<p>Pengangkutan Awam</p> <p>a) Operasi perkhidmatann bas termasuk bas pekerja</p> <p>b) Operasi perkhidmatan rel penumpang</p> <p>c) Operasi perkhidmatan teksi dan e-hailing</p> <p>d) Operasi perkhidmatan penerbangan dan feri penumpang berjadual</p>	<p>a) 6.00 pagi-12.00 t/mlm</p> <p>b) 5.00 pagi-12.00 t/mlm</p> <p>c) 5.00 pagi-12.00 t/mlm</p> <p>d) Mengikut jadual penerbangan</p>	<p>a) Perkhidmatan pengangkutan awam dibenarkan beroperasi berdasarkan 50% kapasiti kenderaan</p> <p>b) Bilangan penumpang dalam kenderaan persendirian, teksi dan e-hailing : dua (2) orang sahaja termasuk pemandu</p> <p>▪ <u>INDIVIDU YANG TELAH LENGKAP DIVAKSINASI</u></p> <p>i. Pergerakan individu dibenarkan berdasarkan jumlah kapasiti kenderaan.</p> <p>▪ <u>INDIVIDU YANG BELUM LENGKAP VAKSINASI</u></p> <p>i. Hanya dua (2) orang sahaja isi rumah dibenarkan keluar untuk mendapatkan bekalan makanan.</p> <p>ii. Maksimum tiga (3) orang termasuk pesakit keluar untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan/ perubatan, ujian saringan, vaksinasi, keselamatan/ kecemasan</p>
13	<p>Sektor Telekomunikasi Digital dan Perkhidmatan perniagaan global serta E-Dagang</p> <p>a) Pusat Perkhidmatan Telekomunikasi (<i>Telco Centre</i>) dan internet.</p> <p>b) Perkhidmatan <i>e-market place/</i> pembayaran digital dan Pusat internet e-dagang (semua produk)</p>	8.00 pagi hingga 8.00 malam	Beroperasi seperti yang ditetapkan dalam SOP berkaitan.

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN
14	<p>Sektor Perdagangan Pengedaran</p> <p>▪ <u>TANPA SYARAT VAKSIN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kompleks membeli belah DITUTUP kecuali pasar raya, pasar raya besar dan <i>departmental stores</i> TERMASUK semua perkhidmatan perlu yang disenaraikan. 2) Pasar raya, pasar raya besar dan <i>departmental store</i> 3) Farmasi/Penjagaan diri/ kedai ubat 4) Kedai runcit/ Kedai serbaneka/ <i>mini mart</i> 5) Kedai dobi (perkhidmatan penuh dan layan diri) 6) Kedai barangan logam (<i>hardware</i>) 7) Bengkel Kenderaan/ motosikal /bas/ lori (tayar, servis, alat ganti) 8) Kedai cermin mata dan alat optik. 9) Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja) 10) Kedai buah-buahan 11) Kedai menjual barangan bayi 12) Kedai barangan keagamaan dan pengebumian 13) Operasi kurier 14) Pusat perkhidmatan utiliti (TM, Rangkaian, TNB dan syarikat yang berkaitan) 15) Menjual bunga (bagi tujuan keagamaan di kiosk dan gerai berhampiran kuil sahaja) 16) Kedai buku dan alat tulis (termasuk perkhidmatan: percetakan, fotostat, penjilidan, <i>binding</i>, dan <i>laminat</i>) 17) Kedai komputer 18) Kedai telekomunikasi (termasuk aksesori dan gajet) 19) Kedai pengedar gas <p>▪ <u>DENGAN SYARAT PELANGGAN TELAH LENGKAP DIVAKSINASI</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 20) Kedai cuci kenderaan 21) Kedai elektrik dan elektronik 22) Kedai barangan rumah dan peralatan dapur 23) Kedai perabot 24) Kedai peralatan sukan 25) Kedai aksesori kereta 26) Pusat pengedaran dan jualan kenderaan 27) Pasar pagi dan pasar tani 28) Kedai pakaian, fesyen dan aksesori (termasuk kasut, selipar, beg, topi, stoking, jam dan lain-lain) juga termasuk <i>Departmental store</i>. 29) Kedai barang emas 30) Kedai gunting rambut dan pusat/ salun kecantikan (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja) 	<p>8.00 pagi hingga 8.00 malam</p>	<ol style="list-style-type: none"> a) Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan pematuhan SOP Sektor Perdagangan Pengedaran. b) Aktiviti dobi layan diri perlu memastikan pekerja berada di c) Hanya premis restoran/ medan selera/ kedai makan & minuman/ kiosk makanan & minuman di dalam kompleks perniagaan/ pasar raya/ pasar raya besar boleh beroperasi hingga 10.00 malam tertakluk pada kebenaran pihak pengurusan bangunan masing-masing. d) Penggunaan bilik acu pakaian (<i>fitting room</i>) -Tidak Dibenarkan <p>▪ <u>INDIVIDU YANG TELAH LENGKAP VAKSINASI</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Dine-in DIBENARKAN dengan syarat pelanggan menunjukkan Kad/Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 ii. Dibenarkan mengunjungi premis perniagaan dari no. 20 hingga 30 iii. Individu yang telah lengkap vaksinasi dibenarkan membawa anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN								
15	<p>Sektor Perkhidmatan Pengangkutan dan Logistik</p> <p>a) Perkhidmatan <i>freight forwarder</i> dan agen kastam/operasi lori/operasi rel barangan (<i>freight train</i>)/ operasi kargo udara (<i>air freight</i>)</p> <p>b) Operasi <i>shipping line</i> dan <i>Non Vessel Operating Common Carrier (NVOCC)</i></p> <p>c) Aktiviti penstoran (pergudangan, <i>off dock</i>, pusat pengagihan <i>courier</i>)</p> <p>d) Operasi <i>Inland Container Depot</i></p> <p>e) Operasi <i>ancillary services</i> kepada pengangkutan melalui darat, air atau udara.</p> <p>f) Operasi <i>courier/p-hailing</i> (penghantaran barangan melalui kenderaan persendirian/perdagangan)</p> <p>g) Aktiviti penerimaan kargo/barangan import non-essential di premis bagi tujuan simpanan/ eksport/aktiviti penstoran (pergudangan)</p>	<p>(a) hingga (e) Seperti Biasa</p> <p>(f) 6.00pagi-12.00 t/mim</p> <p>(g) 8.00pagi hingga 8.00 malam (Isnin, Rabu & Jumaat)</p>	<p>Kapasiti kehadiran pekerja bagi operasi dan pengurusan adalah optima pada satu-satu masa serta pematuhan SOP Sektor Pengangkutan dan Logistik serta SOP Am.</p>								
16	<p>Sektor Perkilangan dan Pembuatan</p> <p>1) Aeroangkasa termasuk MRO- komponen dan penyelenggaraan, pembaikan dan <i>overhaul</i></p> <p>2) Makanan, minuman dan rantaunya</p> <p>3) Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan.</p> <p>4) Produk barangan rumah, barangan penjagaan diri (sabun, pembersih diri dan lain-lain) dan bahan pencuci termasuk rantaunya)</p> <p>5) Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet</p> <p>6) Peralatan perlindungan peribadi (<i>PPE</i>) dan peralatan keselamatan kebakaran</p> <p>7) Komponen untuk alat/ peranti perubatan</p> <p>8) Elektrik dan eletronik (kepentingan rantaian ekonomi global)</p> <p>9) Minyak dan gas (<i>oil and gas</i>) termasuk petrokimia dan produk petrokimia</p> <p>10) Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja.</p> <p>11) Tekstil yang melibatkan pengeluaran <i>PPE</i> sahaja</p> <p>12) Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir</p> <p>13) Aktiviti pemunggahan melibatkan barangan non-essessential di kilang-kilang terhad penghantaran dan penerimaan barangan atau kargo dalam simpanan stok (<i>stockpile</i>) sedia ada dengan tujuan import dan eksport sahaja.</p>	<p>Seperti Biasa</p>	<p>a) Pendaftaran kebenaran melalui COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0</p> <p>b) Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan pematuhan SOP.</p> <p>c) Tiada aktiviti pembuatan/ pengeluaran dibenarkan bagi syarikat yang mendapat kelulusan meletakkan mesin/peralatan dalam mod siap siaga (<i>warm idle</i>).</p> <p>d) Bagi syarikat yang masih belum mencapai kadar vaksinasi minimum 40%, syarikat perlu mematuhi syarat yang ditetapkan dalam SOP PPN yang berkuatkuasa.</p> <p>▪ KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP</p> <p>e) Bagi aktiviti yang tidak disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Sektor Pembuatan Perlu yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja dibenarkan beroperasi seperti berikut:-</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja</th> <th>% Kapasiti Pekerja Dibenarkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>80%-100%</td> <td>100%</td> </tr> <tr> <td>60%-79%</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>40%-59%</td> <td>60%</td> </tr> </tbody> </table> <p>f) Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung oleh majikan.</p>	Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja	% Kapasiti Pekerja Dibenarkan	80%-100%	100%	60%-79%	80%	40%-59%	60%
Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja	% Kapasiti Pekerja Dibenarkan										
80%-100%	100%										
60%-79%	80%										
40%-59%	60%										

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN								
17	Sektor Perkhidmatan Perbandaran dan Kerajaan Tempatan a) Pajak gadai/ kredit komuniti/Ar- rahn b) Pengurusan sisa pepejal/pembentukan c) Pembersihan awam d) Pembersihan premis dan sanitasi	(a) 9.00pagi hingga 5.00 petang (b) Hingga (d) Seperti biasa	Kapasiti kehadiran pekerja bagi operasi dan pengurusan adalah terhad 60% sahaja pada satu-satu masa serta pematuhan SOP								
18	Sektor Pembinaan a) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal b) Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam c) Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang diluluskan di tapak bina atau yang menempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) d) Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor G1, G2, G3 dan G4. e) Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan f) Kerja-kerja pembinaan projek Kerajaan (<i>Government Funded Project</i>). g) Kerja-kerja penyiasatan tanah h) Perkhidmatan profesional/perunding yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan. i) Perkhidmatan dalam rantai bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan (termasuklah kedai jubin, kedai kaca/cermin/tingkap, kedai kunci, kedai aluminium/keluli, besi, kedai pintu, kedai alat sistem keselamatan, kedai menjual alat penapis).	Seperti Biasa	a) Kesemua kontraktor yang terlibat dengan projek yang tersenarai boleh beroperasi perlu mendapatkan kelulusan baharu menerusi CIMS MITI. b) Pematuhan SOP dari Kementerian Kerja Raya Malaysia. ▪ KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP d) Bagi aktiviti yang tidak disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembinaan yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja dibenarkan beroperasi seperti berikut:- <table border="1" data-bbox="1045 958 1508 1108"> <thead> <tr> <th>Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja</th> <th>% Kapasiti Pekerja Dibenarkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>80%-100%</td> <td>100%</td> </tr> <tr> <td>60%-79%</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>40%-59%</td> <td>60%</td> </tr> </tbody> </table> e) Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung oleh majikan.	Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja	% Kapasiti Pekerja Dibenarkan	80%-100%	100%	60%-79%	80%	40%-59%	60%
Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja	% Kapasiti Pekerja Dibenarkan										
80%-100%	100%										
60%-79%	80%										
40%-59%	60%										
19	Sektor Keselamatan a) Kawalan keselamatan (<i>security services</i>) b) Keselamatan dan pertahanan c) Kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan	Seperti Biasa	Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP .								
20	Sektor Perikanan, Perladangan, Pertanian dan Penternakan a) Aktiviti perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantai makanan (kelapa sawit, getah, lada, koko) b) Kedai pertanian (baja / racun / peralatan pertanian) c) Pembaikan jentera/ mesin pertanian/perikanan	Seperti biasa	a) Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP yang berkaitan . b) Aktiviti memancing bagi tujuan sara hidup sahaja								
21	Sektor Industri Kreatif a) Penyiaran secara rakaman atau siaran langsung program berbentuk penyampaian maklumat (selain daripada hiburan) seperti berita, forum, bual bicara dibenarkan . b) Bual bicara dan <i>live streaming</i> secara individu	Seperti biasa	Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP berkaitan.								

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN
22	<p>Sektor Pendidikan</p> <p>a) Pelajar sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat yang terlibat dengan peperiksaan dibenarkan hadir untuk menduduki peperiksaan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh badan peperiksaan antarabangsa.</p> <p>b) Pelajar yang menduduki peperiksaan antarabangsa dan badan profesional serta aktiviti penyelidikan yang memerlukan kemudahan makmal di IPT.</p> <p>c) Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di IPT dilaksanakan secara dalam talian.</p> <p>d) Pelajar yang berada di asrama, universiti atau Institusi pendidikan meneruskan pembelajaran secara hibrid.</p>	Seperti biasa	Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP Sektor Pendidikan.
23	<p>Seminar, Bengkel, Kursus, Latihan, Ceramah dan Mesyuarat</p> <p>a) Semua aktiviti ini perlu diadakan secara dalam talian (<i>online</i>) dan sidang video</p> <p>b) Temuduga kritikal yang perlu dilaksanakan adalah dibenarkan secara bersemuka dan dalam talian.</p>	Seperti biasa	Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP
24	<p>Sektor Penyelenggaraan Bangunan dan Fasiliti</p> <p>a) Penyelenggaraan/pembaikan kemudahan bangunan, peralatan dan fasiliti seperti lift, generator set, bilik elektrik LV dan HT, eskalator, kolam renang dan sistem pam, sistem cegah kebakaran, Sistem Automasi Bangunan (BAS), sistem penghawa dingin berpusat/<i>split unit</i>, sistem berpagar boom dan kad akses, sistem pengurusan pelawat, sistem pagar elektrik, struktur bangunan (C&S), mekanikal & elektrikal</p> <p>b) Pengurusan utiliti bagi bangunan/fasiliti melibatkan pembekalan perkhidmatan dan sumber bagi bekalan elektrik, air, gas, pembentungan, telekomunikasi dan internet.</p> <p>c) Pengurusan pekhidmatan berkaitan keselamatan dan kesihatan yang melibatkan kawalan keselamatan, pembersihan awam & landskap, sisa pepejal/pembuangan sampah, loji rawatan kumbahan, perkhidmatan sanitasi, disinfeksi & kawalan vektor</p>	9.00 pagi hingga 5.00 petang	<p>a) Kerja dilaksanakan secara berjadual dan minima.</p> <p>b) Kerja pengubahsuaian adalah tidak dibenarkan.</p> <p>c) Kapasiti pekerja adalah terhad 60% termasuk operasi dan pengurusan serta pematuhan SOP.</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN								
25	<p>Sektor Perlombongan dan Pengkuarian</p> <p>a) Pembekalan mineral, bahan batuan, simen hanya daripada simpanan stok (stockpile) serta pergerakan dari lombong/kuari ke premis/tapak projek binaan infrastruktur awam/bangunan yang dibenarkan dalam SOP ini.</p> <p>b) Kerja-kerja penyelenggaraan lombong dan kuari</p>	8.00 pagi hingga 5.00 petang	<p>a) Beroperasi dengan pematuhan SOP Perlombongan dan Pengkuarian.</p> <p>▪ KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP</p> <p>b) Bagi aktiviti perlombongan dan pengkuarian yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja dibenarkan beroperasi seperti berikut:-</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja</th> <th>% Kapasiti Pekerja Dibenarkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kurang 60%</td> <td>60%</td> </tr> <tr> <td>60%</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>80%</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> <p>c) Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung oleh majikan.</p>	Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja	% Kapasiti Pekerja Dibenarkan	Kurang 60%	60%	60%	80%	80%	100%
Kadar Vaksinasi Lengkap Pekerja	% Kapasiti Pekerja Dibenarkan										
Kurang 60%	60%										
60%	80%										
80%	100%										
26	<p>Sektor Pemajuan Perumahan</p> <p>a) Pengoperasian pejabat pengurusan syarikat pemaju</p> <p>b) Penyerahan notis serahan milikan kosong (<i>vacant possession</i>) dan kunci rumah.</p> <p>c) Urusan perpindahan (pindah masuk unit baru/sewa)</p> <p>d) Kerja-kerja baik pulih kerosakan / kecacatan kritikal salam tempoh liabiliti kecacatan.</p> <p>e) Kerja-kerja pembinaan pemajuan perumahan oleh kontraktor G1, G2, G3 dan G4.</p>	8.00 pagi hingga 5.00 petang	Kapasiti pekerja adalah terhad 60% termasuk operasi dan pengurusan serta pematuhan SOP Sektor Pemajuan Perumahan.								
27	<p>Sektor Perkhidmatan Perhutanan</p> <p>Terhad kepada penguatkuasaan dan hidupan liar.</p>	Seperti biasa	Beroperasi dengan pematuhan SOP yang berkaitan								
28	<p>Lain-lain</p> <p>Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu.</p>	Seperti biasa	Beroperasi dengan pematuhan SOP yang berkaitan								

AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN

BIL	JENIS PERNIAGAAN	TINDAKAN/ CATATAN
29	<p>Sektor Ekonomi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) SPA, pusat urut, pusat refleksologi dan <i>wellness</i>. 2) Perkhidmatan <i>pedicure</i> dan <i>manicure</i> 3) Kedai alat permainan 4) Bazar Skudai 5) Agensi nombor ramalan/kasino/lumba kuda 6) Kedai gambar/fotografi/menjual kamera (termasuk aktiviti fotografi) 7) Perkhidmatan kerja ke rumah (Coway dan lain-lain perkhidmatan) 8) Kafe siber/pusat siber 9) Kolam pancing dalam premis (<i>indoor</i>) 10) Nurseri, barangan lanskap, tapak semaian, kedai bunga KECUALI bagi tujuan keagamaan di kiosk dan gerai berhampiran kuil sahaja dibenarkan. 11) Kedai langsir/permaidani 12) Kedai percetakan, fotostet, logo, stiker, cap getah (<i>rubber stamp</i>) 13) Kedai menjahit pakai/langsir 14) Kedai menjual minyak wangi/menjual kosmetik/butik kecantikan 15) Kedai pengiklanan/membuat iklan 16) Menjual tembakau/perusahaan tembakau (termasuk di <i>Duty Free Shop Lot</i>) 17) Kedai menjual peralatan karaoke/audio 18) Pejabat am/pejabat urusan kontraktor (pelbagai perkhidmatan) 19) Pejabat agensi jualan hartanah/ galeri jualan 20) Kedai barangan terpakai 21) Bengkel kimpalan/kejuruteraan 22) Kedai getah 23) Kedai tembikar 24) Membeli/menjual barangan kitar semula 25) Butik andaman/ pengantin 26) Syarikat pengendalian pelancong 27) Institusi memandu/pusat latihan maritim/pusat latihan penerbangan 28) Kedai menjual/membuat cenderamata 29) Operasi kilang dan kedai minuman keras 	<p align="center">TIDAK DIBENARKAN</p>
30	<p>Sektor Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) dan Taska</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Tadika termasuk di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat. b) Kategori pusat termasuklah pusat tuisyen, pusat bahasa, pusat kemahiran, pusat perkembangan minda, kelas muzik, tarian, seni, pusat bimbingan, kelas mengaji dan sebagainya. c) Semua Institusi Pendidikan Swasta, Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta, Institut Latihan Kemahiran – kecuali pelajar yang menduduki peperiksaan mengikut jadual peperiksaan yang telah ditetapkan oleh badan peperiksaan antarabangsa. d) Taska dan pusat jagaan kanak-kanak kecuali untuk anak-anak di mana kedua-dua ibu bapa dan penjaga adalah petugas barisan hadapan dalam perkhidmatan perlu. 	<p align="center">TIDAK DIBENARKAN</p>
31	<p>Aktiviti Hiburan dan Industri Kreatif</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Kelab Malam/ Pub (termasuk <i>snuker</i> dan <i>pool table</i>) a) Aktiviti <i>indoor/ outdoor busking</i> (kecuali di Pusat Pemberian Vaksin) b) Persembahan di <i>lounge hotel</i> c) Aktiviti panggung wayang termasuk pandu masuk d) Penggambaran <i>indoor</i> dan <i>outdoor</i>. 	<p align="center">TIDAK DIBENARKAN</p>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	TINDAKAN/ CATATAN
32	<p>Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan</p> <p>a) Produk tarikan pelancongan awam seperti zoo, farms, akuarium, pusat edutainment, extreme/adventure/nature parks dan lain-lain.</p> <p>b) Premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat/kampung seni warisan budaya, pentas persembahan budaya dan lain-lain.</p> <p>c) Taman Tema, Pusat Hiburan Keluarga, indoor playground dan karaoke keluarga</p> <p>d) Aktiviti pelancongan merentas daerah dan negeri.</p> <p>e) Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia.</p>	TIDAK DIBENARKAN
33	<p>Seminar/Bengkel/ Persidangan/ Pameran/ Ceramah/Mesyuarat</p> <p>a) Semua Seminar/ Bengkel/ Kursus/ Latihan/ Ceramah/ Pameran dan aktiviti berkaitan dengan Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE).</p> <p>b) Mesyuarat bersemuka agensi Kerajaan dan swasta melibatkan kehadiran wakil agensi luar.</p>	TIDAK DIBENARKAN
34	<p>Penganjuran Majlis Keramaian</p> <p>a) Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta.</p> <p>b) Majlis Sosial - kenduri-kendara, majlis sambutan perayaan, majlis pernikahan, perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, hari kelahiran, reunion, retreat dan lain-lain majlis sosial.</p> <p>c) Menerima tetamu atau pelawat di kediaman kecuali kes-kes kecemasan dan perkhidmatan penghantaran (delivery)</p>	TIDAK DIBENARKAN
35	<p>Aktiviti Sukan dan Rekreasi</p> <p>a) Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan secara berkumpulan atau melibatkan sentuhan fizikal.</p> <p>b) Semua aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan di kawasan tertutup (indoor)</p> <p>c) Kehadiran penonton atau penyokong ke venue sukan dan rekreasi.</p> <p>d) Penganjuran kejohanan/ pertandingan/ perlawanan tempatan dan antarabangsa KECUALI pertandingan/ kejohanan dalaman atau tertutup anjuran Majlis Sukan Negara (MSN) dan perlawanan liga pasukan-pasukan di bawah Malaysian Football League (MFL)</p> <p>e) Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar/merentas kawasan arahan pergerakan yang sedang dikuat kuasa KECUALI mendapat kebenaran PDRM.</p>	TIDAK DIBENARKAN
36	<p>Lain-lain yang Tidak Dibenarkan</p> <p>a) Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.</p> <p>b) Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.</p>	

Protokol Am Bagi Standard Operating Procedure (SOP) Dalam Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit Covid-19:

Kebersihan Premis

- Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan kekerapan tiga (3) kali sehari dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan umum (*common area*) seperti surau, tandas, stor, pejabat, kaunter, lift, tangga, tombol pintu, pegang tangga, bilik mesyuarat, kafeteria, restoran, dewan serbaguna dan lain-lain kawasan yang kerap disentuh dengan menggunakan cecair pencuci nyah kuman mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Pelupusan pelitup muka hendaklah dibuang ke dalam tong sampah bertutup.
- Proses pembersihan bagi kawasan luar bangunan disarankan dilakukan dua (2) minggu sekali.
- Pemilik premis, aktiviti atau program yang disenaraikan dalam senarai **Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE)** hendaklah mengambil tindakan intervensi iaitu melaksanakan sanitasi premis, meningkatkan kawalan dan pemantauan pematuhan pelanggan dan melaksanakan penutupan premis jika diarahkan oleh Pegawai Kesihatan Daerah selepas penilaian risiko dijalankan.

Pengurusan Pelanggan dan Penjarakan Fizikal

- Mengawal laluan keluar masuk pelanggan ke kompleks/ premis perniagaan/ bangunan komersial/ perusahaan.
- **Kanak-kanak** berumur 17 tahun ke bawah **TIDAK DIGALAKKAN** untuk berada di tempat dan kemudahan awam.
- Setiap premis perlu memaparkan jumlah **had kemasukan pelanggan** pada sesuatu masa. **Penggunaan sistem nombor giliran** digalakkan bagi pelanggan masuk dari sesuatu premis.
- Semua pemilik bangunan perlu menyediakan Kod QR di setiap aras.
- Memastikan **VENTILASI DAN SISTEM PENGUDARAAN** yang baik di premis berdasarkan garis panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
- Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis perniagaan dengan penetapan **satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter persegi ruang lantai niaga**.
- Melaksanakan Program Kesedaran Awam
- Pemilik premis **diwajibkan** mendaftar dan dan memuat turun aplilikasi **MySejahtera** untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis perniagaan/perusahaan.
- Meletakkan tanda di lantai, terutamanya di kawasan sesak seperti di kaunter pembayaran, bagi memastikan penjarakan 1 meter.

- Menyediakan dan mempamerkan Garis Panduan “Do” dan “Don'ts” di kawasan strategik premis perniagaan/perusahaan untuk panduan pelanggan, pekerja dan pembekal mengenai langkah-langkah pencegahan penularan wabak Covid-19.
- Menggunakan medium komunikasi alternatif bagi mengadakan perbincangan atau perundingan pelanggan seperti atas talian, aplikasi *WhatsApp*, atau panggilan telefon sekiranya memerlukan sebarang maklumat awal untuk mengurangkan kontak fizikal secara bersemuka dan masa.
- **Memastikan** hanya pelanggan dengan status “**Low Risk**” termasuk “**Casual Contact Low Risk**” dalam MySejahtera **dibenarkan** masuk ke premis/ kompleks perniagaan.

Saringan Kesihatan

- Memastikan semua staf, pembekal dan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera dan saringan suhu badan.
- Bagi premis kompleks perniagaan, pengambilan suhu badan hanya sekali sahaja di pintu masuk dan bukan di setiap premis perniagaan bawah satu kompleks.
- Pekerja dan pelanggan yang mempunyai suhu **melebihi 37.5°C** dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selesema, susah bernafas tidak dibenarkan memasuki premis.
- Mewajibkan pemakaian pelitup muka oleh pekerja, pembekal dan pelanggan setiap masa.

Penggunaan *hand sanitizer*

- *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk, kawasan umum, dobi, lif dan lain-lain lokasi yang kerap disentuh.
- Menyediakan kemudahan cuci tangan dengan menggunakan air dan sabun jika tidak menyediakan *hand sanitizer*.

Kaedah Pembayaran

- Menggalakkan pembayaran tanpa wang atau *cashless* (*e-wallet*, kad kredit dan lain-lain).

Kebenaran Operasi Perkhidmatan Awam

- Melaksanakan kaedah Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya tidak termasuk perkhidmatan frontliners, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.
- Hanya dibenarkan tidak melebihi 40% kapasiti pekerja hadir ke pejabat.
- Kaunter perkhidmatan beroperasi secara fizikal bagi:-
 - Perkhidmatan yang tidak boleh dilaksanakan secara dalam talian
 - Kapasiti petugas kaunter tidak melebihi 50%
 - Kehadiran pelanggan secara fizikal hanya melalui janji temu berjadual

Kebenaran Operasi Perkhidmatan Swasta

- Dibenarkan beroperasi terhad kepada 60% kapasiti pekerja termasuk operasi dan pengurusan.

Kebenaran Operasi Rumah Ibadat

- Aktiviti solat di masjid dan surau bagi individu yang telah divaksin lengkap **dibenarkan** tertakluk kepada ketetapan dan SOP oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.
 - Aktiviti sembahyang di Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) bagi individu yang telah divaksin lengkap **dibenarkan** tertakluk kepada ketetapan dan SOP oleh Kementerian Perpaduan Negara.
-
- ✓ Semua pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 22 OGOS 2021** selaras dengan peruntukan kepada kuasa **Majlis Bandaraya Iskandar Puteri** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)** dan **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)**.
 - ✓ Premis perniagaan boleh di ambil tindakan dan ditutup jika pihak pengusaha/ peniaga gagal mematuhi **Standard Operating Procedure (SOP)** yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kerajaan Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - ✓ Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan:

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
مجلس بندار ايا إسكندر فوئري

*dikemaskini pada 22 Ogos 2021